

## **BAB 4: BENTUK PEMULIHAN (PEMBELAJARAN DAN LATIHAN) DI SEKOLAH HENRY GURNEY**

Setiap juvana yang dibawa masuk ke sekolah ini akan melalui beberapa proses atau tahap tertentu sebelum ditempatkan di rumah tahanan. Segala butir peribadi diambil untuk dicatat dalam rekod peribadinya di pejabat penerimaan . Pegawai perubatan akan memeriksa tahap kesihatan mereka. Ini penting untuk mengetahui samada mereka berpenyakit dan jenis penyakitnya. Jika mereka menghidapi sebarang penyakit yang merbahaya dan berjangkit seperti Sifilis, HIV, Ghonorea dan Hipertisis B, mereka akan diasinkan dan diberi rawatan rapi. Penyakit ini memang banyak dihadapi oleh juvana dalam era 50 an, 60 an dan 70 an. Memang tidak dinafi bahawa penglibatan remaja amat tinggi dalam kegiatan negatif ini.

Akibat percampuran bebas, akhirnya mereka terjebak ke lembah maksiat. Bagi remaja ini, umur muda mereka dilekai dengan keseronokan. Tambahan pula pengambilan ganja dan dadah di negara ini telah mula merebak selepas Perang Dunia Kedua. Apatah lagi permintaan ganja dan dadah begitu tinggi pada tahun 1960 an khasnya di kalangan tentera Amerika di Vietnam.<sup>124</sup> Bahan ini telah diguna oleh tentera Vietnam Utara sebagai satu senjata untuk melemahkan tentera Amerika. Seterusnya penggunaan bahan ini telah merebak ke seluruh rantau Asia Tenggara.

Sehubungan dengan itu, juvana akan diasinkan selama dua minggu di bilik penerimaan. Mereka akan ditemudugakan oleh anggota lembaga yang terdiri daripada Pengarah Penjara, Timbalan Pengusaha, Pegawai Penerimaan, Pegawai Perusahaan dan guru agama.<sup>125</sup> Mereka akan diberi nombor badan seperti banduan di penjara.

124. John T.Reitz & Jonathan Reed, Nam.The Vietnam Experience 1965 - 75, Volume 1, Orbis Publishing Limited Griffin House, London, 1990, m.s. 315.

125. Pejabat Rekod Sekolah Hendry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Mereka juga tidak diberi ampun. Selepas itu ditempatkan di blok-blok yang dipanggil ‘Rumah’. Dua orang pegawai kanan bertanggungjawab dalam semua urusan seperti membuat rekod, mengira gaji, perjumpaan dan lain-lain lagi. Jadual harian bermula bila seorang juvana yang ditugaskan meniup ‘Bugler’. Bugler ialah sejenis alat tiupan yang diwarisi sejak zaman British. Ia ditiup tepat jam 6.15 pagi.

Jadual 8: Jadual Harian Penghuni Sekolah Henry Gurney<sup>126</sup>

Masa	Aktiviti
Jam 6.15 pagi	- Penghuni - penghuni bangun dari tidur tidur
Jam 7.00 pagi	- Penghuni - penghuni keluar dari rumah masing – masing menuju ke padang kawat untuk membaca ikrar Rukun Negara serta menyanyikan lagu Negaraku.
Jam 7.30 pagi	- Sarapan pagi
Jam 8.00 pagi	- Latihan vokasional dan akademik.
Jam 12.00 tengahari	- Berhenti kerja dan kembali ke rumah masing - masing
Jam 1.00 tengahari	- Penghuni bekerja semula di bengkel masing- masing
Jam 4.00 petang	- Minum petang
Jam 4.30 petang	- Solat Asar bersama Ustaz. (penghuni Islam)
Jam 5.00 petang	- Aktiviti sukan bagi semua penghuni (bukan islam)
Jam 6.30 petang	- Makan malam
Jam 7.00 malam	- Semua penghuni berada di rumah masing – masing kecuali bagi mereka yang di peringkat ‘Biru’ ke atas. Mereka ini dibenarkan menonton televisyen dan bermain ‘Indoor Games’. Bagi penghuni berugama Islam pula mereka semua akan ke surau untuk menuaikean sembahyang Maghrib dan Isyak
Jam 9.00 malam	- Lampu dipadamkan dan semua penghuni dikehendaki tidur.

126. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, m.s. 206.

Jadual harian sebegini sudah dimulakan sejak tahun 1950 an, 1960 an, 1970 an, 1980 an dan 1990 an. Hanya beberapa perkara di tambah seperti membenarkan guru agama dibawa masuk untuk mengajar pendidikan agama Islam. Ini penting kerana pemulihan rohani merupakan aspek utama ke arah pemulihan. Selain daripada ustaz yang dibawa masuk, sami Buddha dan Hindu juga dibenarkan.<sup>127</sup>

Walau bagaimana pun masa yang diberi kepada guru agama ini amat singkat sekali. Misalnya juvana yang berbangsa Melayu merupakan yang teramai tetapi hanya belajar mengenai agama selama satu jam sahaja iaitu dari pukul 4.30 hingga 5.30 petang setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad. Keadaan yang sama juga berlaku pada juvana berbangsa Cina dan India. Mereka belajar agama masing-masing hanya sekali sahaja dalam seminggu. Jadi di sini timbulah persoalan, mengapa ilmu agama tidak dititik beratkan secara serius, walhal ia merupakan perkara penting ke arah pembentukan sahsiah dan pemulihan yang terbaik.

#### **Organisasi Dan Pentadbiran Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka.**

Semasa zaman British, pentadbiran sekolah ini diletakkan di bawah seorang Penguasa dan beberapa pegawai kanan dan rendah. Kebanyakan jawatan-jawatan tertinggi dimonopoli oleh pegawai kanan British sehingga tahun 1961. Akhirnya jawatan tersebut diserahkan kepada pegawai kanan yang terdiri daripada orang tempatan.

---


127. Temu bual dengan Mr. Victor Francis Rozario, bekas Pengarah Sekolah Henry Gurney (1980), bertarikh 11hb. Desember, 2003, di Ayer Keroh, Melaka.

Carta 1: Penguasa Sekolah Henry Gurney, Teluk, Mas, Melaka<sup>128</sup>

Bil	Nama	Tempoh
1.	Mr. A.J.N / Gwynn	19.7.1950 – 6.10.1950
2.	Mr. H.J.R. Bennert	6.10.1950 – 26.4.1961
3.	Mr. H.E. Ashe, OBE, AMN	26.4.1961 – 1.12.1961
4.	Mr. Victor Francis Rozario, KMN, AMN, PJK	1.12.1961 – 31.5.1980
5.	En. Abdullah Ariffin, AMN	31.5.1980 – 15.12.1983

Sekolah ini merupakan pusat bagi kedua-dua sekolah pemulihan lain yang terdapat di negeri Melaka. (Lihat Carta 2 di bawah).

Carta 2: Struktur Pentadbiran Sekolah Henry Gurney



Sumber : Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

128. Carta ini dipetik dari Papan Undang – undang yang terdapat di Pejabat Rekod yang merupakan pejabat penerimaan di Sekolah Henry Gurney, Teluk, Mas, Melaka.

Seiring dengan itu, sekolah ini juga mempunyai sebuah Lembaga penasihat yang terdiri dan orang-orang tertentu di dalam masyarakat bagi mengawasi perjalanan sekolah ini agar selari dengan perancangannya. Keadaan sebegini tidak ditekankan sangat ketika era 50-an dan 60-an.<sup>129</sup> Dengan kata lain juvana ini kurang dibimbing ke arah pemulihan kerana mereka lebih dikerah untuk menyiapkan kerja-kerja bagi infrastruktur yang serba kekurangan. Seterusnya pentadbiran sekolah ini mempunyai dua pecahan yang penting iaitu pengurusan dan keselamatan / pemulihan. Di bawah pengurusan, terdapat beberapa bahagian tertentu seperti pentadbiran, perkhidmatan, logistik dan bekalan. Setiap bahagian ini pula mempunyai pecahannya. Di bawah pengurusan, terdapat beberapa bahagian tertentu seperti pentadbiran, perkhidmatan, logistik dan bekalan. Setiap bahagian ini pula mempunyai pecahannya yang tersendiri.

Perkara yang sama terdapat di bahagian keselamatan dan pemulihan. Tiga bahagian penting ialah rekod, kawalan keselamatan dan kebajikan banduan atau penghuni. (Kanak-kanak yang ditempatkan di sini diiktiraf sebagai banduan disebabkan perkara ini telah diputuskan di bawah akta). Sebagaimana yang lalu, tiga bahagian ini pula terdapat pecahannya sendiri. (lihat lampiran sebelah muka surat 78). Suatu perkara yang perlu diberikan perhatian ialah betapa pentingnya bahagian keselamatan dan pemulihan ini memandangkan sekolah ini adalah terbuka di mana pesalah juvana mempunyai peluang yang ‘terbuka’ untuk melarikan diri.<sup>130</sup> ‘Terbuka’ bermaksud peluang untuk melarikan diri amat luas kerana sistem keselamatan ketika itu amat lemah. Pada waktu itu penggunaan dawai gulung berduri belum diperkenalkan.


---

129. Temubual dengan En. Hamid Md. Zin, Ketua Inspektor Penjara (Rekod) SHG, bertarikh 1hb.

Januari 2004, di Telok Mas, Melaka.

130. Masalah kelarian adalah masalah yang paling rumit untuk di atasi dan ianya memerlukan kerjasama dari semua pihak. Untuk perhatian perkara ini akan dibincangkan di bab empat.

Carta 3: Organisasi Pentadbiran Sekolah Henry Guney Telok Mas, Melaka



Sumber : Pejabat Rekod, Sekolah Henry Guney, 1986 – 1990.

## **Bentuk Pembelajaran dan Latihan.**

Kerja kasar biasa diberikan kepada penghuni-penghuni yang baru masuk atau mereka yang melanggar peraturan sekolah.<sup>131</sup> Mereka terpaksa melakukan kerja-kerja yang agak berat di tengah panas matahari. Ini penting agar dapat melatih jiwa mereka supaya tabah, rajin, tekun dan mematuhi segala arahan. Selepas itu, juvana ini akan diberi pekerjaan dalam beberapa bidang seperti bengkel rotan, kayu, motor dan sebagainya. Rata-rata kanak-kanak yang ditahan kurang berminat dalam bidang akademik berbanding dengan vokasional.<sup>132</sup> Ini yang menjelaskan pihak guru untuk mengajar kerana kebanyakannya adalah buta huruf dan telah lama meninggalkan zaman persekolahan.

Jenis latihan vokasional yang terdapat termasuklah bidang pertukangan kayu, tukang jahit, menenun kain, tukang kasut, kimpalan, membina sampan, kerja dobi, anyaman rotan, ternakan ayam, pancaragam, menanam sayur dan elektrikal. Barang-barang ini dijual kepada kakitangan dan masyarakat luar. Wang yang diperolehi akan disimpan oleh pihak sekolah dan akan diserah pada juvana bila dibebaskan kelak. Sejak awal penubuhannya, latihan vokasional ini diberi untuk melatih dan menggalakkan penghuni membuat segala bentuk kerja yang diarahkan. Ini akan menambahkan lagi pengetahuan juvana dalam bidang pekerjaan dengan cara yang halal. Disamping itu akan menambahkan lagi punca pendapatan penghuni dan sekolah serta mengisi masa lapang mereka agar tidak bosan. Gaji yang diberi ialah sebanyak 0.30 sen, 0.40 sen dan yang tertinggi ialah 0.50 sen sehari.<sup>133</sup>

---

131. Temubual dengan En. Dornarld Wee, bertarikh 20hb. December, 2003, di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.

132. Temubual dengan P. Govindaraja, bekas guru akademik (bersara), Sek. Henry Gurney Telok Mas, Melaka, bertarikh 11hb. Disember, 2003, di Ujung Pasir, Melaka.

133. O.V. Garratt, Report of The Prisons, 1953 – 1954, m.s. 35.

Jelaslah dengan adanya latihan sebegini akan memberi mereka kemahiran yang akan digunakan untuk mencari pekerjaan setelah dibebaskan. Tambahan pula juvana ini memang tidak berminat di dalam bidang akademik. Peratusan yang tidak berkelulusan amat tinggi dan kebanyakannya daripada mereka merupakan pelajar yang tercicir di peringkat persekolahan serta tidak berkemampuan untuk ke sekolah. Akibatnya mereka telah terjebak dalam masalah sosial.


Juvana yang ditempatkan di sini akan memasuki peringkat tertentu (seperti yang terdapat dalam carta 4, m.s. 81) yang menunjukkan peringkat kematangan selama mereka ditahan. Perkara ini penting untuk melihat akan pencapaian seseorang juvana dan mengenal pasti apakah mereka telah ada kesedaran di dalam diri mereka. Selanjutnya dapat menentukan bilakah masanya mereka perlu dibebaskan. Setiap peringkat ini membawa pengertiannya yang tersendiri seperti apakah tahap gaji yang sepatutnya mereka perolehi, keistimewaan bersukan, bercuti dan lain-lain lagi.<sup>134</sup>

Di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas ini terdapat lapan tahap yang semestinya ditempuh oleh seseorang juvana itu. Namun begitu perlulah diingatkan bahawa mereka ini tidak semestinya mencapai ke lapan-lapan tahap tersebut untuk dibebaskan. Mereka mungkin dibebaskan pada peringkat ke tujuh iaitu di peringkat Ketua Rumah atau di peringkat ‘Cokelat II’ kerana telah mencapai peringkat 21 tahun. Di sini pihak sekolah sudah tiada hak untuk menahan mereka lagi.

---

134. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, m.s. 235.

Carta 4: Peringkat Untuk Penghuni Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. <sup>135</sup>



135. Segala data ini boleh didapati dari :

- Pamlet Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka, m.s. 4.
- Papan kenyataan bertulis terdapat di Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka.

Carta 4 di muka surat 81 menjelaskan tentang tahap-tahap penghuni SHG semasa berada di sekolah ini. Tahap atau peringkat mula diperkenalkan pada awal tahun 1960 an oleh Pengarah Penjara Malaysia yang pertama iaitu Tan Sri Murad. Sebenarnya format ini sudah diperkenalkan ketika sistem Bostal dibawa masuk ke Tanah Melayu ketika itu. Namun pihak Inggeris mahu melihat juvana yang ditahan di sekolah ini menjadi buruh kasar sahaja. Ini boleh dilihat bilamana juvana ini ditugas memecah batu untuk membuat tembok di sepanjang tebing sekolah ini.<sup>136</sup> Ini bertujuan untuk mengelakkan hakisan. Lebih menyedihkan lagi juvana ini dikerah mengambil batu-batu di kawasan-kwasan pendalaman seperti di Merlimau dan Bukit Tempayan, Umbai.

Juvana yang baru masuk diberi peringkat berwarna coklat dan di sini mereka masih dalam perhatian oleh guru rumah (pegawai penjara). Mereka tidak boleh menikmati banyak kemudahan berbanding dengan juvana lama. Kenaikan peringkat ini bergantung kepada tingkah laku terutama disiplin yang baik, mendengar perintah dan berusaha memperbaiki diri untuk menjadi orang yang berguna. Pegawai penilai akan melihat perkembangan dan menulis laporan setiap bulan dalam rekod peribadi masing-masing. Oleh yang demikian, juvana ini akan berusaha mematuhi peraturan dan kemudiannya akan dinaikkan ke peringkat berwarna biru. Di peringkat ini mereka dibenarkan mewakili sekolah dalam apa-apa acara sukan yang mereka ceburi. Seterusnya melalui beberapa sokongan, mereka akan dilantik menjadi Ketua Rumah. Di sinilah juvana ini memperolehi banyak keistimewaan seperti bergerak bebas di kawasan tahanan, dibenar menonton televisyen dan berbagai-bagai lagi.

---

136. Temu bual dengan Mr. Victor Francis Rozario, bertarikh 11hb. Disember, 2003, di Ayer Keroh.

Dari sini juga, Ketua Rumah ini mempunyai harapan dibebas lebih awal dari tarikh hukuman yang ditetapkan oleh pihak Mahkamah Juvana. Lebih-lebih lagi mendapat sokongan daripada pihak keluarga yang sanggup menerima semula dan sokongan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat di daerahnya. Juvana ini akan diberi cuti sementara selama tujuh hingga dua belas hari untuk pulang ke kampung halaman.


Carta 5 (ms.84) menjelaskan mengenai keistimewaan-keistimewaan yang akan diperolehi oleh juvana dari mula masuk hingga pada hari dibebaskan. Sebagai tambahan mereka dibenarkan melawat bandar Melaka dan juga berkhemah di Pantai Kundur dan di Port Dickson, Negeri Sembilan. Namun begitu keistimewaan berkhemah telah dihapuskan pada tahun 1983. Ini berikutan berlakunya kes kelarian juvana ini seramai lima orang pada 25hb. Desember, 1982 di pantai Port Dickson.<sup>137</sup>

Mereka dibenar berjumpa dengan ibu bapa dan saudara mara tetapi sahabat handai tidak dibenarkan. Perjumpaan hanya tiga puluh minit sahaja berada peringkat Biru<sup>138</sup> bersama ibu bapa. Ini bertujuan untuk merapatkan hubungan mereka dan menanam keyakinan pada juvana itu bahawa masih ada orang yang menyayangi mereka. Begitu juga mereka diberi cuti sementara selama tujuh hari bagi yang tinggal dekat dengan Melaka seperti Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang.

137. Temubual dengan Dato' Nik Ariffin, bekas Ketua Pengarah Penjara Malaysia, bertarikh 20 December, 2003, di Bandar Baru Bangi, Selangor.

138. Peringkat Biru menunjukkan seseorang juvana telah menunjuk perubahan yang baik, tidak melanggar peraturan sekolah dan di sokong oleh Guru Rumah.

Carta 5: Keistimewaan Bagi Penghuni-penghuni.



Mereka yang tinggal jauh seperti Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Perlis akan diberi cuti sebelas hari. Mereka dibekal wang sebanyak Rm 10.00 (RM.Sepuluh Ringgit Sahaja) untuk perbelanjaan di tengah jalan.<sup>139</sup>

<sup>139</sup> Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, m.s. 6.

Sebelum dibenar bercuti, juvana hendaklah duduk di sekolah selama 2 tahun 1 bulan, tidak mempunyai kesalahan, tingkah laku baik, berada di peringkat Biru selama 4 bulan dan mendapat sokongan dari Ketua Pengarah Keselamatan Penjara Malaysia. Laporan dari pihak keluarga dan Pejabat Kebajikan Masyarakat juga penting untuk menentu sama ada pihak keluarga boleh menerima mereka atau tidak.<sup>140</sup> Sejak kebelakangan ini, juvana juga perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Penjara Malaysia kerana terdapat beberapa kes kelarian semasa juvana balik bercuti. Jelaslah melalui percutian ini akan dapat mengembalikan keyakinan juvana yang telah dipulih untuk kembali semula ke pangkuhan keluarga dan masyarakat. Di sini mereka akan bergaul dengan masyarakat dan mencari pekerjaan sebagai persediaan bila dibebaskan kelak. Dalam pada itu terdapat segelintir juvana yang melarikan diri ketika balik dan tidak kembali.

Lembaga Pembebasan Sekolah (*Institution Discharge Board*) merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab dalam memberi penilai terakhir sama ada juvana ini boleh dibebaskan secara berlesen atau cukup umur 21 tahun. Lembaga ini terdiri daripada seorang pengurus dan enam ahli yang dilantik oleh kerajaan dan bermesyuarat sebulan sekali. Ahli-ahli mesyuarat Lembaga terdiri daripada ;

1. Ketua Polis Negeri
2. Perwakilan dari Kebajikan Masyarakat
3. Pegawai Mahkamah Negeri
4. Orang-orang terhormat seperti pegawai daerah dan exco negeri

---

140. Ibid.

5. Guru-guru yang telah bersara
6. Ketua-ketua kampung dan Pertubuhan Masyarakat Cina dan India dijemput hadir.<sup>141</sup>

Akhir sekali peranan dimainkan oleh Pegawai Akhlak<sup>142</sup> amat penting dalam mengawasi juvana yang belum berumur 21 tahun dan membantu jika mereka dalam kesusahan. Ini penting kerana juvana yang belum mencapai umur 21 tahun diberi "lesen" pembebasan dengan bersyarat, jika mereka melakukan jenayah sebelum umur 21 tahun, mereka akan dihantar semula ke Sekolah Henry Gurney jenis tertutup di Bandar Hilir (sebelum itu Muar).<sup>143</sup>

#### **Latihan Akademik.**

Menyedari dewasa ini kebanyakan juvana yang mempunyai latarbelakang kelulusan akademik tetapi gagal di dalam peperiksaan, maka pihak sekolah dengan kerjasama yang diberikan oleh Jabatan Penjara Pusat telah merumuskan bahawa mereka ini perlu dibimbing semula. Pada peringkat awal, penghuni diajar dalam bahasa Cina, Melayu, Tamil dan Inggeris. Ketika itu juvana terdiri daripada mereka yang tidak mendapat didikan yang sempurna dan buta huruf.<sup>144</sup> Kebanyakan remaja yang datang dari Pantai Timur adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan mempunyai latar belakang

---

141. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, m.s. 215.

142. Pegawai Akhlak juga disamping mengawasi setiap pergerakan penghuni yang telah dibebaskan terpaksa menghantar laporan bulanan kepada sekolah untuk memastikan kanak – kanak itu berada di dalam situasi yang baik.

143. Ibid, m.s. 215.

144. Temubual Mr. Victor Francis Rozario, bekas Pengguna SHG (1975 – 1980) bertarikh 11hb. Disember, 2003.

kehidupan keluarga yang miskin. Peratusan buta huruf remaja Melayu dari Pantai Timur kian meningkat dalam jangka masa 20 tahun penubuhan sekolah ini. Sementara guru-guru dipinjam dari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan berkelulusan Maktab Perguruan sahaja. \* Dalam pada itu masa belajar ditetapkan selama 3 jam sehari iaitu bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi..

Berbagai-bagai jenis alat bantu mengajar digunakan seperti penayangan filem mengenai Seni Perusahaan dan Pertanian.<sup>145</sup> Juvana yang buta huruf diajar membaca, menulis dan mengira manakala juvana yang mempunyai latar belakang pelajaran seperti tingkatan 1, 2 dan 3 dibenarkan mengambil peperiksaan L.C.E dan M.C.E. tetapi hampir kesemuanya gagal. Kegagalan ini disebabkan oleh sikap juvana yang sukar dibentuk walaupun terdapat pelbagai kemudahan disediakan seperti perpustakaan dan menjemput guru-guru yang terbaik untuk membimbing mereka. Berbagai masalah dihadapi oleh guru misalnya mereka tidak suka belajar, suka mengikut tabiat buruk kawan-kawan, ingin mengelak kerja berat dan kerap ponteng menyebabkan pencapaian akademik mereka amat rendah.

Berhubungan dengan itu guru-guru boleh mengadu kepada pihak S.H.G tentang tingkah laku juvana ketika di dalam kelas. Namun begitu akan wujud masalah lain iaitu juvana tidak akan menghiraukan nasihat dan mengugut guru. Ini meregangkan lagi hubungan antara murid dengan guru. Oleh itu guru membiarkan sahaja perkara itu. Sepatutnya guru perlu melapurkan kepada pegawai bertugas supaya tindakan diambil.

---

145. Abdul Ghani Salleh, opcit, m.s. 217.

\* Ibu Pejabat Penjara hanya membenarkan guru lepasan Maktab sahaja mengajar di S.H.G. kerana kekurangan peruntukan kewangan.

Oleh kerana laporan tidak dibuat juvana ini bermain-main dan menghisap rokok. Hanya pada tahun 1965, seorang juvana berbangsa Cina telah mendapat Gred 1 dan sekarang menjadi Pengarah di Syarikat Diethlem.<sup>146</sup>. Juvana Melayu pertama mendapat gred 2 ialah pada tahun 1972 dan memasuki Institut Teknologi Mara.<sup>147</sup>

Jelaslah di sini sikap malas, degil dan tiada kesungguhan untuk belajar serta dipengaruhi oleh kawan-kawan yang buta huruf menyebabkan tahap pencapaian mereka dalam peperiksaan amat rendah sekali. Apatah lagi mereka diwajib bekerja pada sebelah petang. Ini menjelaskan minat dan penumpuan mereka pada pelajaran kerana terlalu letih. Nilai-nilai dan norma-norma Inggeris ditekankan mengikut konsepsi pentadbir-pentadbir Inggeris terutama sebelum merdeka. Pelajaran mengenai Alexander, Marco Polo dan Francis Drake juga diajar. Lebih ketara lagi juvana berbangsa Cina dan India diajar tidak berteraskan Malaya.<sup>148</sup> Oleh yang demikian jelaslah di sini bahawa pentadbir Inggeris ketika itu tidak menitikberatkan tentang pendidikan bercirikan tempatan.

Pendidikan agama amat penting dalam membantu juvana dari melibatkan diri mengulangi segala kesilapan lalu. Pada awal tahun 50-an, buat pertama kalinya juvana yang beragama Islam dibenarkan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Pernu tanpa kawalan. Dalam sistem “Borstal” sikap mempercayainya diberi kepada juvana.

---

146. Ibid, m.s. 219.

147. Temubual dengan Dato' Nik Ariffin, bekas Ketua Pengarah Penjara Malaysia, bertarikh 20hb. Disember, 2003, Bandar Baru, Bangi, Selangor.

148. Temubual dengan En. Victor Francis Rozario, bertarikh 11hb. Disember, 2003, di Ayer Keruh, Melaka.

Seorang Pegawai Agama akan memberi ceramah agama manakala juvana yang beragama Kristian dibenar pergi ke gereja di Melaka setiap minggu. Walau bagaimanapun, program ini dihapuskan kerana berlaku kelarian penghuni, kecurian dan kesalahan “*abscond*” iaitu menghilangkan diri buat sementara waktu.<sup>149</sup> Mereka dikatakan bersiar-siar di bandar Melaka dan ada yang pulang ke rumah (dalam negeri Melaka). Oleh yang demikian juvana ini tidak dibenar keluar sembahyang Jumaat kerana masalah tersebut.

Sebelum kemerdekaan, pendidikan kerohanian tidak ditekankan secara bersungguh-sungguh tetapi selepas merdeka pendidikan ini diutamakan. Guru-guru agama datang mengajar juvana mengenai ‘Fardhu Ain’, kelas membaca al-Quran dan cara-cara sembahyang setiap hari. Buku-buku diberi agar dapat meluaskan pengetahuan agama dan memahami konsep beragama dengan lebih mendalam. Para rahib dan sami juga dijemput untuk memberi ceramah dan bersembahyang bersama-sama juvana baik yang berugama Buddha mahu pun Hindu. Walau bagaimanapun terdapat segelintir juvana yang tidak bersungguh-sungguh untuk mempelajari ilmu agama. Hanya suka berbual-bual ketika ceramah dijalankan.<sup>150</sup>

Berhadapan dengan masalah ini khasnya di awal tahun 1960an dan setelah mendapat pengaduan yang hebat dari penduduk tempatan maka kini mereka telah dilarang untuk berbuat demikian. Dalam pada itu juga pihak penjara dengan persetujuan para ulamak telah mengeluarkan memoranda yang menyatakan para banduan / juvana

---

149. *Ibid.*

150. Temubual dengan En. Ariffin bin Hj. Ismail, bekas guru akademik SHG (1977 – 1989), bertarikh 2hb. Februari, 2004, di Bandar Baru, Bangi, Selangor.

telah dikecualikan dari menunaikan sembahyang jumaat atas sebab-sebab tertentu khasnya keselamatan. Dalam bidang sukan pula, sekolah ini telah menempah nama kerana telah melahirkan ramai ahli sukan ; Ini dinyatakan oleh O.V.Garratt dalam laporannya;

*"The school Athlentic team competed in the Malacca Combined Schools Sports and several inmates took First place. One lad broke the Malacca Schools Record for the mile. Five inmates were selected to represent Malacca at the Inter-State Schools meeting at Kuala Lumpur".<sup>151</sup>*

Temasya sukan tahunan diadakan setiap tahun. Para keluarga dan saudara mara dijemput hadir. Ini semua untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan yang kian lama terpisah. Secara tidak langsung akan dapat memberi harapan kepada budak-budak untuk kembali kepada masyarakat. Dalam masa yang sama pasukan pancaragam telah ditubuhkan pada tahun 1953 dan telah mengambil beberapa bahagian. Misalnya:

*"It played at the World Assembly of Youth Festival, the Federation Youth Parade Kuala Lumpur and led the Malacca Remembrance Day Parade. The band also played at many charity functions and at the Passing Out parade of the 7<sup>th</sup>. Warders Training Class at Taiping."<sup>152</sup>*

Dalam pasukan Pengakap, telah mendapat pujian dari Ketua Pengakap British dalam buku pelawat yang menulis ;

*"Most interesting visit. A very fine and keen lot of Scouts whom it was a pleasure to meet".<sup>153</sup>*

---

151. O.V. Garratt, Report 1953 – 1954, m.s. 36.


152. O.V. Garratt, Report 1953 – 1954, m.s. 37.

153. Ibid, m.s. 38.

Di samping menjalankan latihan di atas, para penghuni di benarkan juga mengambil bahagian di dalam beberapa aktiviti lain seperti bersukan, memasuki pergerakan pengakap, palang merah dan kadet polis. Di dalam bidang sukan misalnya sekolah ini memasuki semua jenis acara sukan yang dianjurkan oleh pihak Majlis Sukan Sekolah Sekolah Malaysia/Melaka. (M.S.S.M.) Mereka merupakan sebuah sekolah yang terkenal di negeri Melaka dan telah beberapa kali menjuarai permainan bola sepak pada tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988. Walau bagaimanapun penglibatan mereka dibatalkan kerana kebanyakan umur juvana tersebut sudah menjangkau 19 hingga 21 tahun. Ini melebihi had umur yang ditetapkan di peringkat sekolah iaitu 18 tahun ke bawah. Dalam pada itu juga terdapat di antara juvana yang telah terpilih bagi mewakili Sekolah Henry Gurney dalam sukan anggota- anggota penjara Malaysia.

Apatah lagi juvana ini dilatih oleh bekas pemain bola sepak negara tahun 1970an seperti Shahruddin Abdullah, Namat Abdullah, Jalil Che Din, Ali Bakar, Wan Zawawi, Ibrahim Salleh dan Syed Ahmad. Mereka ini adalah kakitangan Jabatan Penjara yang telah mengharumkan nama Jabatan dan Negara dalam arena bola sepak. Oleh yang demikian jelaslah bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan terhadap juvana ini telah berjalan dengan jaya serta mendapat pujian dari masyarakat luar. Lebih penting lagi mereka dapat memenuhi masa lapang ketika ditahan selama 3 tahun dan dapat meyakinkan diri bahawa mereka boleh berjaya setanding dengan remaja lain di luar serta akan terus berdikari. Oleh itu jelaslah juvana ini boleh dibimbing dan dilatih untuk menjadi manusia yang berguna. Seterusnya mereka boleh menentu hala tuju masing-masing meski pun dalam bidang sukan.

## Beberapa Aktiviti-aktiviti Pesalah Juvana



PAKARD 4.91

Gambar 4.1: Juvana sedang memberi makan arnab peliharaan



Gambar 4.2: Juvana sedang mengambil hasil lebah.

Sumber: Pejabat Rekod Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka.




HAPPY JAYA

Gambar 4.3: Juvana sedang melakukan kerja-kerja menanam cendawan di bawah seliaan seorang pegawai pertanian.



Gambar 4.4: Sekumpulan juvana sedang mengemaskan kolam ikan air tawar  
Sumber: Pejabat Rekod, Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka.



Gambar 4.5 dan 4.6: Menunjukkan sekumpulan juvana sedang membina pintu gerbang Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka. Pintu ini dianggap tercantik yang dibina oleh mereka.

Sumber: Pejabat Rekod, Dusun Dato' Murad, Air Keroh, Melaka.



Gambar 4.7: Juvana sedang menunjuk bakat mereka dalam permainan pancaragam di dalam pertandingan olahraga kakitangan Jabatan Penjara Malaysia pada 1hb. Jun, 1998 di Ayer Keroh, Melaka.



Gambar 4.8: Padang bola sepak dan trek Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Sumber: Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Dari apa yang dapat dilihat melalui gambar-gambar ini, jelaslah juvana ini boleh dibimbing dan dipulihkan. Mereka mempunyai bakat, kebolehan dan kemahiran dalam menghasilkan sesuatu yang berfaedah dan berguna pada dirinya asalkan mereka benar-benar insaf serta menyedari kesilapan mereka.

## **Kawalan dan Hukuman.**

Sekolah ini mempunyai satu bentuk hukuman tersendiri yang dikenakan kepada juvana yang melanggar undang-undang sekolah serta peraturan penjara. Setiap mereka yang bersalah akan dimasukkan ke dalam bahagian yang dipanggil ‘Penal Grade’,<sup>154</sup> iaitu sebuah bilik khas yang berasingan daripada penghuni-penghuni lain. Bilik ini sangat gelap dan hanya mempunyai lubang angin yang kecil. Juvana yang ditahan bergantung kepada jumlah hari yang dihukum. Juvana hanya dibenarkan memakai seluar pendek dan diberi makan roti yang telah ditimbang. Manakala nasi hanya diberi seminggu sekali sahaja. Hukuman ini kerap digelar ‘313’ iaitu tiga hari makan roti, satu hari makan nasi dan tiga hari makan roti semula. Hukuman ini amat ditakuti oleh juvana.<sup>155</sup>

Selain dari itu juga, setiap juvana yang telah dimasukkan ke sini akan kehilangan beberapa hak keistimewaan bila dikeluarkan dari bilik tersebut. Keistimewaannya seperti :

1. Ia dilarang dari bermain, bersekolah, meminjam buku, menonton wayang dan sebagainya.
2. Masa kerja baginya akan dipanjangkan serta terpaksa melakukan kerja-kerja yang agak kasar dan berat.

---

154. Penal Grade merupakan bilik asingan yang diguna untuk menghukum pesalah muda yang membuat kesalahan.

155. Temu bual dengan En. Ahmad Khamis, bertarikh 16hb. Disember, 2003. Pernah bertugas dibilik ‘Panel Grade’ selama 15 tahun. (1958 – 1973) . Beliau dipanggil Pak Mat Misai oleh juvana kerana mempunyai misai yang tebal dan garang di Telok Mas, Melaka.

3. Mereka tidak akan mendapat pakaian dan barang-barang yang berlebihan.

Mereka cuma diberi dua helai selimut dan pakaian yang mencukupi bagi membuat kerja.

4. Mereka juga dihadkan boleh makan beberapa jenis makanan sahaja.<sup>156</sup>

Selain daripada perkara-perkara di atas seseorang juvana itu juga dikenakan hukuman rotan. Walau bagaimanapun rotan yang dikenakan adalah ringan sahaja dan bilangan rotan yang dikenakan adalah mengikut pangkat pegawai yang menjatuhkan hukuman itu. Hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Pesuruhjaya Penjara atau Hakim Pelawat ialah tidak melebihi 10 rotan sementara hukuman oleh Pegawai Penguasa Kanan adalah tidak melebihi 6 rotan.<sup>157</sup> Perlu diingatkan di dalam menjalankan hukuman rotan ini ianya hendaklah mendapat kelulusan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kelulusan doktor dan sebagainya.

Bagi juvana pula rotan yang digunakan seperti mana yang diterangkan sebelum ini adalah kecil dan ringan. Sasaran rotan pula hendaklah di bahagian daging punggung sahaja. Dalam pada itu hanya beberapa orang pegawai tertentu sahaja yang boleh hadir semasa hukuman itu dijalankan iaitu penguasa, ketua warder, doktor, pegawai yang merotan dan pegawai-pegawai lain yang dilantik untuk mengawasi atau membantu menjalankan hukuman tersebut.<sup>158</sup> Ini semua bertujuan untuk memberi keinsafan dan kesedaran pada juvana agar membuang kelakuan negatif mereka. Jelaslah di sini, hukuman rotan yang diperkenalkan di zaman Inggeris masih digunakan sebagai satu

---

156. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, m.s. 167.

157. Ibid., m.s. 169.

158. Ibid., m.s. 172.

cara agar “sakit” yang diterima dapat memperbetulkan kelakuannya. Jelaslah di sini, hukuman rotan yang diperkenalkan di zaman Inggeris masih digunakan sebagai satu cara agar “sakit” yang diterima dapat memperbetulkan kelakuannya. Walau bagaimanapun masih terdapat juvana yang baru keluar dari Panel Grade’ mengulang semula perbuatan jahatnya malah lebih bangga dan bertindak sebagai ‘kepala’. <sup>159</sup> Sikap degil dan masih tidak insaf atas perbuatan yang lalu menyebabkan juvana ini terpaksa dipindahkan ke S.H.G. Bandar Hilir II. (tertutup)

Sepertimana para banduan yang ditempatkan di penjara, para juvana di Sekolah Henry Gurney juga mempunyai ‘Skel Diet Seharian’ yang tersendiri. Secara kasarnya, bentuk makanan yang diberikan adalah lebih kepada makanan asas di samping beberapa jenis makanan tambahan yang difikirkan sesuai untuk kesihatan. Jika kita meneliti akan bentuk ‘diet’ (lihat Jadual 9 di muka 100) ianya dibuat bersesuaian dengan bangsa serta agama yang dianuti oleh seseorang juvana itu. <sup>160</sup> Bagi orang-orang India, Sikh dan Brahmin yang tidak memakan daging khasnya lembu, pihak sekolah telah menukarnya dengan makanan jenis lain pula. Dalam pada itu juvana ini akan mendapat ‘diet’ tambahan yang diberikan dua bulan sekali. Ini dilakukan bagi menambahkan lagi selera juvana dan bagi menjauhkan mereka dari merasa bosan dengan memakan makanan yang sama jenisnya setiap hari.

---

159. Temubual En. Ahmad Khamis, bertarikh 16hb. Disember, 2003. ‘Kepala’ bermaksud ketua yang terkuat dalam sekolah itu. Juvana lain takut, dan mendengar arahan serta kerap ditekan. Masalahnya juvana lain takut untuk memberitahu kepada pegawai penjara tentang aktiviti negatif yang berlaku atau perancangan ketua ini.

160. Data ‘diet’ ini didapati dari salinan yang terdapat di pejabat Rekod, Telok Mas, Melaka.



Gambar 4.9: Bangunan Panel Grade Lama. Sebelum ini bangunan ini digunakan untuk penempatan juvana asal oleh pihak British. Dalam pada itu bangunan ini diguna oleh pihak Jepun untuk menggerakkan aktiviti perlombongan bauksit. Kolam di hadapannya adalah bekas lombong bauksit.

Sumber: Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

### **Surat Menyurat dan Perjumpaan**

Sekolah ini memberikan peluang kepada para penghuninya menulis surat baik kepada ibu bapa, saudara mara atau kawan-kawannya dalam masa seminggu sekali. Walau bagaimanapun mereka boleh menerima surat pada bila-bila masa sahaja. Sebagai langkah keselamatan pihak sekolah terpaksa menapis segala surat yang ditujukan kepada penghuni. Langkah ini terpaksa diambil bagi menjauhkan penghuni menjalinkan hubungan dengan orang-orang yang tidak patut dihubungi seperti kumpulan kongsi gelap, komunis dan sebagainya.<sup>161</sup>

---

161. Hakikat ini diakui oleh pegawai – pegawai lama yang telah ditemuduga. Mereka pernah misalnya menjumpai risalah parti komunis yang dikirimkan kepada penghuni terutamanya yang terdiri dari kanak – kanak berbangsa Cina. Kejadian ini begitu ketara sekali di zaman darurat.

Jadual 9: Skel Diet Seharian bagi Juvana / Banduan.<sup>162</sup>

Jenis Makanan	Bangsa Asia Lain Daripada Orang India Utara, Pathan, Sikh dan Brahmin	Bangsa Eropah dan serani	India, Utara, Pathan dan Sikh	Bangsa Brahmin
1. Beras (kurang cerah)	14 5/6 aun	-aun	9 5/6 aun	2 ½ aun
2. Garam	1 "	½ "	1 "	1 "
3. Minyak kelapa	11/2 "	-	3 / 4 "	3 / 4 "
4. Rempah kari	3 / 4 "	-	3 / 4 "	3 / 4 "
5. Daging/Ikan hidup/Ikan Kering/Ikan Bilis Kering	4 "	8 "	4 "	-
6. Sayur Berdaun	6 "	4 "	6 "	6 "
7. Labu/Labu Manis/Taugeh	4 "	3 "	4 "	6 "
8. Kacang Hijau/Kekacang/Kacang Dal	2 "	2 "	2 "	2 "
9. Pisang	1 biji	-	1 biji	1 biji
10. Roti	4 aun	16 "	4 aun	-
11. Teh	¼ "	¼ "	¼ "	¼ " aun
12. Kelapa	1 biji untuk 10 orang (2x seminggu)	-	sama	sama
13. Gula	1 "	1 "	1 "	6 " (seminggu)

Sambungan jadual 9

Jenis Makanan	Bangsa Asia Lain Daripada Orang India Utara, Pthan, Sikh dan Brahmin	Bangsa Eropah dan Serani	India Utara, Pathan dan Sikh	Bangsa Brahmin
14. Telor Ayam/Itik	1 biji (sebulan sekali)	Sama	sama	-
15. Majerin	1 / 2 aun (sebulan sekali)	Sama	sama	sama
16. Buah – buahan	-	4 aun	-	
17. Minyak babi	-	1 "	-	-
18. Susu	-	2 "	-	12 aun (4x seminggu)
19. Mentega/majerin	-	1 "	-	-
20. Keju	-	2 "	-	-
21. Jem	-	2 "	-	-
22. Ubi kentang	-	8 "	-	-
23. Minyak masak	-	½ "	½ ,	-
24. Koko	-	½ aun (3 x seminggu)	-	-
25. Bawang	-	1 aun (4x seminggu)	-	-
26. Minyak sapi Tepung Gandum	-	-	1 aun 101 / 2	11 / 2 14 aun

Jadual 10: Diet Tambahan (2x sebulan) Bagi Semua Juvana).<sup>163</sup>

JENIS MAKANAN	KADAR BERATNYA
1. Mee/Bee-Hon	3 aun
2. Minyak Kacang	1 aun
3. Taugeh	1 aun
4. Sawi	1 aun
5. Udang Basah	1 aun (Banduan Brahmin digantikan dengan 1 tomato kicap)
6. Tauhu	1 aun
7. Daging/Lembu/Kambing/Babi	1 aun (Banduan Brahmin digantikan 2 aun buah tomato)
8. Labu merah	½ aun
9. Daun Salat	½ aun
10. Kicap	½ aun
11. Ajinamoto	1/ 20 aun
12. Bawang Putih	1 aun
13. Lada Putih	1 / 10 aun

Walaupun skel diet ini nampak tersusun dan menarik dari segi bekalannya namun bahan-bahan yang dihantar tidak selaras seperti dalam jadual. Sebagai contoh, ikan merah patut dibekal tetapi digantikan dengan ikan kembung. Alasan yang diberi oleh pihak pembekal ialah kerana tiada bekalan dan berjanji akan menggantikannya

163. Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

tetapi pembekal masih gagal menyediakan ikan jenis berkenaan. Ini termasuk juga bekalan-bekalan lain seperti sayur-sayuran yang tidak berkualiti. Laporan kerap diadu tetapi tiada tindakan dari pihak atasan. Malahan perkara ini terus berlaku dan pembekal yang sama juga terus membekal dalam tempoh yang begitu lama. (kontrak pembekal disambung) Lebih malang lagi para pegawai ditegur oleh pihak atasan dengan alasan dikhuatiri juvana ini lambat diberi makan dan akan berlaku mogok. Ini disebabkan pembekal diarah mencari bekalan yang sama mengikut jadual dan ini sudah tentu memakan masa.<sup>164</sup>

Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan di dalam bab ini khasnya perkara yang menyentuh tentang pentadbiran sekolah dan penjagaan terhadap juvana ini, dapat dirumuskan bahawa fungsi sekolah ini amat luas sekali khasnya dalam memberikan pemulihan kepada budak-budak salah asuhan. Keberkesanan sistem “Borstal” amat ketara sekali walaupun masih ada juvana yang terpaksa memasuki sekolah ini untuk beberapa kalinya. Lebih-lebih lagi juvana ini memilih jalan mudah untuk mendapat kesenangan lalu terlibat semula dengan kegiatan negatif. Jadi tidak dapat dinafikan lagi mereka akan menjadi penghuni di tempat yang baru iaitu Penjara.

---

164. Pengalaman penulis yang pernah bertugas sebagai Penolong Penguasa Penjara, di Sek. Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. (1982 hingga 1995).